

CNS3345

R GB 05-08 00153 BA822

Mahathir - Dasar

PETALING JAYA, 5 Ogos (Bernama) -- Kerajaan akan melaksanakan dasar-dasar yang mendorong lebih banyak lagi penanaman modal oleh pelabur asing dan tempatan dalam dekad 90-an ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Dasar-dasar itu sejajar dengan pendirian kerajaan untuk mewujudkan suasana pelaburan yang baik, katanya ketika berucap pada perayaan ulang tahun ke-100 Kumpulan Philips dan pembukaan ibu pejabat barunya di Malaysia, di sini.

Komitmen kerajaan untuk menggalakkan pelaburan juga jelas daripada peruntukan besar bagi pembangunan sektor pengangkutan untuk memenuhi keperluan pelabur yang beroperasi di Malaysia, katanya.

Kemudahan lain yang disediakan oleh kerajaan ialah galakan-galakan cukai yang menarik serta bekalan tenaga pekerja mahir yang sentiasa mendapat perhatian serius kerajaan, katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata kerajaan sedar tanpa kemudahan dan faktor-faktor itu, segala rancangan, strategi dan dasar yang digubal tidak akan berjaya. -- Lagi.

♥05/08/13-50MST

CNS3362

R GB 05-08 00122 BA828

Bah

Mahathir - Dasar 2 Petaling Jaya

Bagi tempoh Rancangan Malaysia Keenam, sektor-sektor pengangkutan dan komunikasi mendapat peruntukan \$10,800 juta atau 19.6 peratus daripada peruntukan keseluruhannya, kata beliau.

Jumlah itu meningkat berbanding purata 18 peratus bagi peruntukan pembangunan sektor pengangkutan di bawah setiap rancangan pembangunan lima tahun yang telah lepas, katanya.

Selain kemudahan yang disediakan oleh kerajaan, beliau berkata Tenaga Nasional dan Telekom Malaysia akan membelanjakan lebih \$20,000 juta bagi mempertingkatkan perkhidmatan kepada pengguna.

Perdana Menteri berkata sungguhpun kaya dengan sumber-sumber asli, Malaysia tidak akan dapat dibangunkan ke taraf negara maju jika bergantung semata-mata kepada sumber asli.

Hanya perindustrian yang boleh menjadikan sesebuah negara itu negara maju, katanya. -- Lagi.

♥05/08/14-11MST

CNS3364

R GB 05-08 00153 BA829

Bah

Mahathir - Dasar 3 Petaling Jaya

Berpandukan kesedaran itu, kerajaan telah menetapkan bahawa sektor pembuatan memainkan peranan yang lebih besar dalam jangka masa 10 tahun akan datang agar matlamat pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar pada kadar tujuh peratus setahun dapat dicapai, katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata kejayaan syarikat-syarikat ternama seperti Philips di Malaysia adalah juga satu lambang kejayaan bagi negara.

Ia membuktikan keyakinan para pelabur terhadap kestabilan politik dan masa depan negara ini dan menunjukkan bahawa iklim pelaburan yang disediakan oleh kerajaan untuk para pelabur asing dapat memberi hasil, katanya.

+Tidak dapat dinafikan bahawa pelaburan asing, seperti oleh Kumpulan Philips, mempunyai peranan penting dalam perkembangan ekonomi Malaysia, lebih-lebih lagi dalam sektor pembuatan,+ katanya.

Industri elektronik, yang diceburi oleh kumpulan itu, merupakan satu sektor penting dalam sektor pembuatan di negara ini dan antara penyumbang utama kepada ekonomi Malaysia. -- Lagi.

♥05/08/14-16MST

CNS3409

R GB 05-08 00175 BA836

Bah

Mahathir - Dasar 4 Petaling Jaya

Jumlah nilai pengeluaran industri elektronik mencapai \$20,300 juta pada tahun lepas serta menyediakan pekerjaan kepada 144,000 orang atau 12 peratus daripada jumlah pekerja sektor pembuatan.

Datuk Seri Dr Mahathir memuji usaha syarikat yang berasal dari Belanda itu mengadakan usahasama dengan syarikat JVC dari Jepun bagi mengeluarkan perakam kaset video dan pemasangan papan sirkit bercetak untuk eksport.

Ini adalah satu perkembangan yang menggalakkan dan seharusnya menjadi contoh kepada syarikat-syarikat lain kerana ia merupakan sebahagian daripada strategi pembesaran yang mencakupi dunia yang kini giat dilakukan oleh syarikat-syarikat antarabangsa, katanya.

Katanya, beliau amat gembira adanya contoh +perkahwinan korporat+ dua syarikat ternama dalam bidang audio-video di Malaysia.

Beliau berpendapat keputusan untuk menempatkan projek itu di Shah Alam mencerminkan keyakinan penuh kedua-dua syarikat itu kepada masa hadapan negara.

Kerajaan akan terus memberi sokongan positif kepada projek-projek seperti itu yang mengeluarkan barangan bernilai tinggi, mengandungi input teknologi yang terbaru serta menyumbangkan kepada peningkatan teknologi di kalangan pekerja tempatan, katanya. -- Bernama.

♥05/08/15-16MST